



[Home](#) / [2024](#) / [October](#) /

DNA UiTM Menyemai Inovasi dan Kecemerlangan: Kursus Asas Sukarelawan 2024 Melahirkan Generasi Berintegriti dan Berwawasan Masa Depan

GRU2025

15/10/2024 / Hasrol Jono



13 Oktober 2024, Shah Alam – Pusat Kokurikulum JHEP UiTM Shah Alam dengan jayanya telah menganjurkan Kursus Asas Sukarelawan Sesi 2024 dari 11 hingga 13 Oktober 2024. Kursus ini telah dirasmikan oleh Datuk Dr. Hasrol Jono, Pengarah Pusat Kokurikulum JHEP UiTM, yang mewakili Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (TNC HEP). Kejayaan program ini adalah hasil daripada usaha berterusan dan kerjasama erat semua pihak yang terlibat.

Turut hadir ialah Encik Ku Hadzrill Jeffrey Ku Hamzah, Penasihat Kelab Briged Sukarelawan UiTM Shah Alam, dan Saudara Ahmad Azahari Adli bin Rosli, Pengarah Program Kursus Asas Sukarelawan Sesi 2024, bersama barisan ahli jawatankuasa kursus. Seramai 79 pelajar Briged Sukarelawan turut mengambil bahagian dalam program ini, dengan matlamat untuk mengasah potensi mereka sebagai sukarelawan. Ku Hadzrill menegaskan bahawa Briged Sukarelawan UiTM telah lama terlibat dalam pelbagai misi dan program antarabangsa, dengan tidak kurang daripada 5 program antarabangsa setiap tahun, yang melibatkan lebih 200 sukarelawan bagi setiap program. Ini membuktikan kekuatan dan keterlihatan Sukarelawan UiTM di peringkat global.

DNA UiTM Menyemai Inovasi dan Kecemerlangan: Kursus Asas Sukarelawan 2024 Melahirkan Generasi Berintegriti dan Berwaw... Datuk Dr. Hasrol Jono menegaskan bahawa kursus ini adalah inisiatif penting dalam membentuk jati diri sukarelawan UiTM, memberikan pendedahan yang mendalam tentang peranan sukarelawan dalam menyumbang kepada masyarakat dan universiti. Kursus ini turut menekankan DNA UiTM, yang telah menjadi asas kepada budaya korporat universiti sejak penubuhannya. DNA ini berteraskan integriti, komitmen, dan kecemerlangan, sejajar dengan visi pendidikan negara dalam melahirkan mahasiswa yang berdaya saing secara holistik.





Para peserta kursus ini menunjukkan potensi besar untuk menjadi sukarelawan yang berwibawa. Semangat, komitmen, dan dedikasi yang mereka tunjukkan sepanjang kursus ini membuktikan kesediaan mereka untuk memikul tanggungjawab dengan amanah dan integriti. Dengan komitmen ini, Briged Sukarelawan UiTM dilihat mampu menerajui lebih banyak program yang memberi impak positif kepada masyarakat pada masa hadapan.

Timbalan Naib Canselor (HEP), Prof. Dr. Hj. Mohd Sazili Shahibi, sering mengingatkan bahawa setiap program yang dianjurkan haruslah menerapkan nilai-nilai DNA UiTM. Nilai-nilai ini diterapkan dalam setiap program anjuran Pusat Kokurikulum, dengan tujuan memberi peluang kepada pelajar, terutamanya pelajar baharu, untuk memahami sejarah, pengorbanan, dan keistimewaan UiTM. Melalui penghayatan nilai-nilai ini, pelajar dapat mewarisi budaya kecemerlangan yang dibina oleh pemimpin terdahulu, sekaligus menjadikan mereka sukarelawan yang berwawasan dan berdedikasi.

Semoga DNA UiTM terus menjadi panduan dalam setiap langkah mahasiswa UiTM, mempersiapkan mereka untuk memberi sumbangan bermakna kepada masyarakat dan negara.

Penulis Utama: Mohd Nor Hajar Hasrol Jono, Profesor Dr. Sazili Shahibi

Penulis Bersama: Nor Azlin Rosli, Mohd Shukor Abd Rahman, Dr. Alwi Mohd Yunus, Dr. Basharudin Abdul Hadi, Ku Hadzrill Jeffrey Ku Hamzah



Tags: [Briged Sukarelawan UiTM Shah Alam](#), [kursus asas sukarelawan](#), [pusat kokurikulum \(PKO\)](#), [universiti teknologi malaysia \(UiTM\)](#)

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul
Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

